



COVID-19: Penjawat awam perlu jadi contoh patuh SOP

Oleh **Rafidah Mat Ruzki** - Disember 14, 2020 @ 6:22pm
fidahruzki@bh.com.my



PUTRAJAYA: Penjawat awam perlu menjadi contoh kepada rakyat di negara ini bagi menggalakkan dan memastikan semua pihak mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dalam usaha memerangi pandemik COVID-19.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata penjawat awam boleh mengawal pergerakan kira-kira lapan juta penduduk termasuk ahli keluarga masing-masing bagi memastikan amal SOP ditetapkan.

"Seramai 1.6 juta penjawat awam di Malaysia jika dicampur dengan ahli keluarga sebenarnya boleh memberi kesan baik dalam menjayakan Kempen Pembudayaan Norma Baharu dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 8 Ogos lalu.

"Semua bermula dari rumah dan sebagai ketua keluarga, setiap penjawat awam sudah pasti boleh memastikan ahli keluarga mematuhi SOP itu.

"Jika jadi amalan seharian sudah pasti mudah untuk dipatuhi dan seterusnya menjadi amalan dalam kehidupan supaya bebas daripada COVID-19," katanya kepada BH.

Adnan mengulas peranan penjawat awam sebagai ejen perubahan bagi memastikan kempen Pembudayaan Norma Baharu berkesan.


Beliau berkata, Kempen Pembudayaan Norma Baharu dilancarkan oleh kerajaan bagi memastikan masyarakat terus mengamalkan SOP yang boleh memerangi penularan pandemik COVID-19 di negara ketika ini.

Katanya, ia disasarkan kepada seluruh rakyat bertujuan meningkatkan kesedaran dan memperkasa komuniti untuk melindungi diri, keluarga serta komuniti masing-masing dalam usaha memerangi pandemik COVID-19 dan membudayakan norma baharu.

Sejak dilancarkan pihaknya melihat kempen itu sebenarnya boleh dikatakan hampir berjaya apabila kebanyakan anggota masyarakat mula menerima norma baharu dalam kehidupan perlu diamalkan bagi memastikan semua bebas daripada penularan COVID-19.

Amalan seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan penggunaan pencuci tangan sudah menjadi kebiasaan.

"Tiada lagi istilah terlupa kerana ia sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan semua peringkat usia.



TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 12m Perintah Berkurung ESSZONE dilanjutkan hingga 31 Disember
- 26m Trump umum pengunduran Peguam Negara AS
- 46m Juve nanti jawapan Dybala
- 48m YouTuber disyaki mencabul dibebaskan dengan jaminan polis
- 1h Kolej Elektoral sahkan kemenangan Biden

grammarly

Grammarly makes sure everything you type is effective and mistake-free. Try now

DOWNLOAD

TRENDING

- KES** sejam yang lepas
YouTuber disyaki mencabul dibebaskan dengan jaminan polis
- SELEBRITI**
Dis 14, 2020 @ 7:24pm
'Ibarat peluang hidup kedua'
- NASIONAL**
Dis 14, 2020 @ 6:35pm
Dr M sedia sokong Anwar jadi PM
- NASIONAL**
Dis 14, 2020 @ 6:29pm
Utamakan nasib rakyat, negara ketika undi Belanjawan 2021 - Tun

"Namun, sejak akhir-akhir ini CUEPACS melihat ada beberapa perkara perlu diberi penekanan terutama membabitkan aktiviti berkumpul, ziarah serta ketika percutian.

"Aktiviti disebutkan ini sebenarnya berisiko meningkatkan penularan kerana membabitkan banyak pergerakan dari satu lokasi ke lokasi lain," katanya.

Pergerakan penduduk sukar dikawal kerana sudah menjadi tabiat rakyat sering berkunjung dan berziarah.

Adnan berkata, apabila kerajaan mula membuka pintu sempadan, data menunjukkan peningkatan bilangan luar biasa kenderaan di lebuhraya.

Justeru, beliau berkata, pematuhan dan amalan SOP sebenarnya memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk sentiasa selamat.

"Tiada masalah bercuti dan berjalan, tetapi perlu mematuhi setiap SOP ditetapkan," katanya.

Adnan berkata, sektor perkhidmatan awam sebenarnya pemangkin kepada kejayaan Kempen Pembudayaan Norma Baharu, apabila menyentuh aspek pematuhan SOP dalam kalangan penjawat awam.

Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) sejak Mac 2018 membolehkan pergerakan warga kerja perkhidmatan awam dapat dikawal untuk mengelakkan penularan wabak.

Katanya, BDR terus diperkasakan dari masa ke masa manakala penyusunan jadual kerja dan sistem penggiliran untuk BDR diaturkan dengan sebaiknya bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat tetap berjalan dan tidak terjejas.



KES

Dis 14, 2020 @ 5:58pm

Berhati-hati buang sampul, bungkus tertera maklumat peribadi - Bukit Aman